



Penggunaan Akad Wakalah Dalam Ibadat Korban Luar Negara

Application of Wakalah Contract in Performing Qurban Overseas

MOHD MUSA SARIP
ROSLI MOKHTAR (Corresponding Author)
MUHAMAD ISMAIL ABDULLAH
Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS),
Bangi, Selangor
mmusa@kuis.edu.my, rosli@kuis.edu.my,
muhamadismail@kuis.edu.my

Akad Wakalah dalam Ibadat Korban

151

Submitted: 14 February 2019
Revised: 22 April 2019
Accepted: 25 April 2019
E-Published: 26 April 2019

ABSTRAK

Ibadah korban adalah salah satu daripada tuntutan ibadah penting, walaupun kebanyakan ulama berpandangan ianya adalah sunat tetapi dari sudut umum ia adalah syiar Islam yang tidak boleh diabaikan. Kajian ini cuba mengenalpasti prosedur akad wakalah yang telah digunakan dalam melakukan ibadah korban keluar negara. Keperluan terhadap kajian ini begitu ketara apabila wujudnya dengan meluas amalan melakukan ibadah korban diluar negara atas faktor-faktor semasa yang melibatkan keperluan umat Islam di negara-negara minoriti Islam dan keadaan dalam negara yang telah sedia stabil dan telah memenuhi keperluan semasa. Kajian ini menggunakan metod kajian kualitatif dan instrumen temubual telah digunakan. Kajian ini mendapati bahawa ada terdapat ketidakpastian dalam persoalan wakalah. Kajian ini menyarankan agar satu garis panduan lebih jelas disediakan untuk mengelakkan kekeliruan dari pihak pengguna dan ketidak tentuan terhadap transaksi yang dilakukan.

Kata Kunci: Korban, Akad, Wakalah, Ibadah





ABSTRACT

Qurban is one of the forms of worship, although most scholars believe it is recommended (*sunat*) but from the general perspective it is a symbol of Islam that cannot be overlooked. This study attempts to identify the wakalah contract practice that was applied in performing qurban overseas. The significance of this study is so apparent that there is a widespread practice of performing the qurban overseas because of the current factors which involves the needs of Muslims in Muslim minority countries and the local situations which is stable and fulfilling the current needs. The study employs qualitative research which encompasses semi-structured interview in acquiring information. This study shows that there is uncertainty in wakalah practice. This study suggests that a clearer guideline should be provided to avoid confusion on part of the consumers and the uncertainty of the transaction.

Keywords: Qurban, Contract, Wakalah, Worship

PENGENALAN

Ibadah korban adalah satu ibadah yang amat mulia di sisi Allah SWT. Setiap tahun pada tarikh 10 Zulhijjah atau tiga hari selepasnya (hari tasyrik-11, 12 dan 13 Zulhijjah), umat Islam menyambut perayaan Hari Raya Aidiladha ataupun disebut juga sebagai Hari Raya Korban. Korban bermaksud menyembelih binatang tertentu pada waktu-waktu tertentu, yang bertujuan untuk beribadah serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Pada hari itu, umat Islam disunnahkan untuk melakukan ibadah korban dan kemudian daging-daging korban itu diagihkan kepada umat-umat Islam di suatu daerah. Ibadah korban telah disyariatkan pada tahun kedua Hijrah, iaitu sama seperti pensyariatan ibadah zakat dan sembahyang hari raya (Muhammad Arsyad Abdullah al-Banjari, 2010).

Perkataan korban berasal daripada satu perkataan Bahasa Arab iaitu '*qurban*' yang bermaksud 'pendekatan'. Korban juga dikenali sebagai *Uddhiyah* yang bermaksud menyembelih haiwan tertentu jenisnya yakni haiwan ternakan yang dikategorikan sebagai *al-an'am*. Contohnya seperti unta, lembu, kerbau, kambing, dan biri-biri yang disembelih pada Hari Raya Aidiladha dan hari-hari tasyrik. Asal perkataan *Uddhiyah* adalah *dhawah* – *dhaha* – *dhahiyah* iaitu waktu matahari naik. Hal ini kerana pada waktu inilah binatang disembelih.

Dari segi istilah, ibadah korban adalah satu bentuk amalan yang dilakukan dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, pada waktu tertentu iaitu bermula selepas selesainya solat hari raya Aidul Adha (10 Zulhijjah) dan pada hari-hari Tasyrik (11, 12, dan 13 Zulhijjah). Semua ini dilakukan kerana beribadah kepada Allah SWT dalam maksud lain untuk menghidupkan syariat Nabi Ibrahim AS yang kemudiannya disyariatkan kepada Nabi Muhammad SAW (Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir, 1997).



PELAKSANAAN IBADAT KORBAN DALAM EMPAT MAZHAB

Empat mazhab di dalam Islam iaitu mazhab Syafi'e, Maliki, Hanbali dan Ahmad mempunyai pendapat masing-masing mengenai pelaksanaan ibadat korban. Menurut pandangan jumur ulama', hukum melaksanakan ibadah korban adalah sunat muakkad (sangat digalakkan) bagi individu yang berkemampuan. Dalil berkaitan sunat menyembelih korban di dalam surah al-Kautsar ayat 2, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Maka kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban sebagai bersyukur.

(Al-Kauthar, 108: 2)

Menurut mazhab Syafi'e, hukum melakukan ibadah korban adalah sunat 'aini bagi setiap orang sekali seumur hidup, sekiranya dia tidak mempunyai ahli keluarga lain selain dirinya sahaja. Tetapi sekiranya dia mempunyai ahli keluarga yang ramai, hukum melakukannya menjadi sunat *kifayah*, yang mana memadai salah seorang daripada mereka melakukan ibadah korban bagi mewakili semua ahli keluarga. Mazhab Maliki pula menyatakan makruh jika meninggalkan ibadah korban bagi sesiapa yang mampu (Mohd Mohadis Yasin, 2015).

Akademi Imam Syafie (2012) menyatakan mazhab Syafi'e dan Maliki menyatakan hukum melakukan ibadah korban adalah sunat *muakkad* iaitu suatu ibadah sunat yang digalakkan ataupun dituntut ke atas setiap individu Muslim yang merdeka, berakal, baligh serta berkemampuan melakukannya. Mazhab Hanafi berpendapat korban nazar iaitu korban wajib adalah sama sekali dilarang untuk dimakan oleh orang yang berkorban.

Akan tetapi, berlainan pula dengan pandangan mazhab Maliki dan Hanbali. Kedua-dua mazhab ini menyatakan harus daging sembelihan korban nazar dimakan oleh orang yang berkorban seperti daging sembelihan korban sunat. Tetapi, yang paling dituntut ialah dagingnya dimakan sebahagiannya, kemudian disedekahkan lalu diberi makan kepada fakir miskin. Mazhab Maliki dan Hanafi berpendapat jikalau daging itu dimakan semuanya oleh orang yang melakukan ibadah korban atau disimpan selama 3 hari, hukumnya adalah harus tetapi dibenci (makruh). Mazhab Hanbali mengharuskan untuk memakan sebahagian besar dari daging korban.

Bagi pandangan mazhab Syafi'e pula, korban nazar yang dilakukan oleh seseorang, dia dan tanggungannya tidak harus memakan daging korban tersebut, bahkan dia wajib sedekahkan kesemuanya kepada orang. Dari segi korban sunat, mazhab Syafi'e mengharuskan, bahkan digalakkan kepada mereka yang melakukan korban supaya memakan daging korbannya (Wahbah al-Zuhayli, 1989).

HUKUM IBADAT KORBAN

Menurut pandangan jumhur dari kalangan Syafi'iyah, Hanabilah, pandangan paling rajih Imam Malik dan salah satu riwayat daripada Abu Yusuf, hukum ibadat korban adalah sunat muakkad. Dalil mereka adalah berpandukan sabda Nabi s.a.w sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah r.a:

إذا دخل العشر، وأراد أحدكم أن يضحّي فلا يمَسَّ من شعره ولا من بشره شيئاً

Maksudnya: Apabila memasuki sepuluh hari pertama (bulan Zulhijjah) dan salah seorang kamu hendak melaksanakan korban, maka janganlah sesekali dia menggunting sedikit pun rambut dan bulu ditubuhnya.

(al-Baihaqi, 1344H)

Menurut Imam al-Shafi'e hukum sunat muakkad ini terpakai kepada semua termasuk mereka yang menunaikan haji. Sementara Imam Abu Hanifah menyatakan korban adalah wajib (kerana sabit dengan nas zanni) ke atas orang tidak bermusafir dan berkemampuan. Manakala Abu Yusuf dan Muhammad berpandangan tidak wajib. (Ibn Rushd, 2004).

Punca perselisihan ini adalah disebabkan oleh dua perkara. Pertama, dalam menentukan status perbuatan baginda yang tidak pernah meninggalkan pelaksanaan ibadah korban sekalipun ketika dalam permusafiran. Perkara ini boleh dirujuk kepada hadis Thauban r.a berikut:

ذَبَحَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ أُضْحِيَّةً. ثُمَّ قَالَ: «يَا ثَوْبَانُ أَصْلِحْ لِحَمِّ هَذِهِ الشَّاةِ» قَالَ: فَمَا زِلْتُ أُطْعِمُهُ مِنْهَا حَتَّى قَدِمَ الْمَدِينَةَ.

Maksudnya: Telah menyembelih Rasulullah s.a.w seekor korban. Kemudian baginda bersabda: "Wahai Thauban, simpanlah daging kambing ini." Berkata Thauban r.a: "Aku telah memberi makan baginda s.a.w daripada daging tersebut sehinggalah kami tiba di Madinah".

(Ahmad: 22391, 2001)

Manakala yang kedua, perselisihan dalam memahami nas berkaitan korban sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah r.a yang terdahulu. Perselisihan tercetus dalam memahami ungkapan baginda:

....إذا أراد أحدكم أي يضحّي....

Maksudnya:dan salah seorang kamu hendak melaksanakan korban....

Secara zahirnya ungkapan ini merujuk kepada kehendak sukarela untuk melaksanakan ibadah korban. Akan tetapi nas ini bertentangan dengan perintah baginda kepada Abu Burdah r.a untuk mengqada semula ibadat korban setelah menyembelihnya sebelum solat sunat hari raya (Ibn Rushd, 2004).

عَنْ أَبِي بُرْدَةَ بْنِ نِيَارٍ، أَنَّهُ ذَبَحَ قَبْلَ أَنْ يَذْبَحَ النَّبِيُّ ﷺ «فَأَمَرَهُ أَنْ يُعِيدَ».

Maksudnya: Daripada Abi Burdah bin Niyar r.a, bahawasanya dia telah menyembelih (korban) sebelum Nabi s.a.w menyembelih. Lalu baginda menyuruhnya untuk mengulanginya semula.

(Ahmad: 15830, 2001)

Menurut Ibn Rushd, penghujahan berdasarkan hadis ini adalah lemah kerana ia tidak menjurus kepada maksud hadis tersebut diungkapkan (2004). Justeru itu, pandangan jumhur kelihatan lebih kuat dan terpakai.

Korban hanya akan menjadi wajib apabila seseorang bernazar untuk melaksanakannya atau menetapkan korban pada haiwan ternakan yang telah sedia dimiliki sebelum tibanya korban (Al-Zuhaili).

SYARAT SAH BERKORBAN

Syarat sah melakukan korban adalah seperti berikut (Ibn Naqib Al-Misri, 2012), (Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Al-Syarbaji, 1992):

- i. Hendaklah berniat. Niat adalah untuk *taqarrub* yakni mendekatkan diri kepada Allah SWT. Waktu untuk niat korban ialah ketika melakukan sembelihan ataupun semasa proses membeli ternakan korban.
- ii. Haiwan korban mestilah dari jenis ternakan seperti lembu, kerbau, kambing, biri dan unta sahaja.
- iii. Umur haiwan korban hendaklah mencapai tahap minimum yang membolehkannya dipilih untuk ibadah korban. Bagi unta disyaratkan telah sempurna lima tahun dan memasuki tahun keenam. Manakala bagi lembu, kerbau dan kambing telah sempurna dua tahun dan memasuki tahun ketiga. Sementara bagi biri-biri pula telah sempurna setahun dan memasuki tahun yang kedua ataupun telah bersalin gigi hadapan (gigi susu).
- iv. Haiwan korban mestilah bebas daripada sebarang kecacatan yang boleh mengurangkan dagingnya. Contohnya seperti tempang, tanduk patah sebelah, terkoyak telinga, tubuh badan tercedera, terlampau kurus sehingga tidak mempunyai lemak, serta kecacatan-kecacatan lain.



- v. Perkongsian haiwan korban boleh dilaksanakan pada unta, lembu dan kerbau. Haiwan ini boleh dibahagi kepada tujuh bahagian maksimum sahaja. Manakala pada kambing dan biri-biri hanya ibadah tunggal tanpa perkongsian.

نَحْرَنَا مَعَ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ عَامَ الْحُدَيْبِيَّةِ الْبَدَنَةَ عَنْ سَبْعَةٍ، وَالْبُقْرَةَ عَنْ سَبْعَةٍ.

Maksudnya: "Kami berkorban bersama-sama Rasulullah SAW pada tahun Hudaibiyah dengan seekor unta untuk tujuh orang dan seekor lembu untuk tujuh orang".

(Muslim: 1318)

KORBAN YANG BERCAMPUR DENGAN AQIQAH, HADIAH, NAZAR DAN SEMBELIHAN BIASA

Korban yang bercampur dengan akikah, hadiah, nazar dan sembelihan biasa mestilah dibuat pengasingan. Jika terjadi perkongsian antara binatang korban yang bercampur dengan akikah, hadiah, nazar dan sembelihan biasa, pengasingan perlu dibuat antara daging bahagian korban wajib (nazar) dengan daging bahagian korban sunat, akikah, hadiah atau daging sembelihan untuk dijual. Pengasingan ini perlu dibuat sebelum diagihkan kepada penerima. Perkara pengasingan ini amat penting kerana daging korban wajib (nazar), mestilah diagihkan kesemuanya kepada golongan-golongan yang berhak mendapat daging korban tersebut.

Selain itu, bagi melancarkan urusan korban, adalah lebih baik pihak yang bertanggungjawab menguruskan ibadah korban untuk tidak mencampurkan antara urusan korban wajib (nazar) dengan urusan korban sunat, akikah, hadiah atau daging sembelihan biasa (Bahagian Fatwa, 2015).

AGIHAN DAGING KORBAN

Mazhab Shafie berpandangan wajib bersedekah dengan daging korban sekalipun sedikit walaupun bukan korban wajib atau nazar (Ibn Naqib Al-Misri, 2012). Sekiranya daging korban tersebut bercampur-campur antara yang sunat dengan yang wajib, maka tindakan pertama yang wajib dibuat sebelum mengagihkan daging korban kepada penerima ialah membuat pengasingan diantara daging korban wajib dengan daging korban sunat. Pengasingan ini dibuat jikalau perkongsian ibadah korban tujuh bahagian itu berlaku dalam kalangan mereka yang berniat membuat korban wajib dengan mereka yang berniat korban sunat, ataupun ada sebahagian diantara mereka yang berniat untuk melakukan akikah (Mohd Radzi Mohd Zin, 2017).

Langkah pengasingan ini amat penting kerana daging korban wajib, mesti atau wajib diagihkan kepada golongan yang berhak mendapatnya. Begitu juga dengan akikah yang sunat dimasak terlebih dahulu sebelum dihidangkan. Bahkan bukanlah menepati Sunnah jika diagihkan daging tersebut secara mentah (Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Al-Syarbaji, 1992).



Urusan-urusan lain yang berkaitan dengan pengagihan daging korban mestilah diputuskan melalui jawatankuasa yang ditubuhkan bagi memudahkan serta melancarkan urusan pengagihan kepada pihak-pihak yang telah dikenalpasti seperti berikut:

- i. Pengagihan mestilah dipantau supaya daging korban cukup untuk diagihkan kepada pihak-pihak yang telah dikenalpasti;
- ii. Senarai penerima daging korban mestilah disediakan mengikut keutamaan;
- iii. Golongan fakir dan miskin perlu diutamakan setelah dapat mengenalpasti status mereka;
- iv. Bagi mereka yang tinggal di kawasan terpencil, pengagihan daging korban perlu untuk mereka;
- v. Sebelum pergi ke kawasan pedalaman, kontena sejuk (jika perlu) mesti disediakan untuk menempatkan daging korban;
- vi. Sekiranya terdapat lebihan daging korban, ianya boleh diagihkan kepada golongan-golongan berada.

Majoriti ulama' kecuali mazhab Maliki, berpendapat bahawa daging korban hendaklah dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga daging korban harus dimakan sendiri oleh peserta korban, satu pertiga disedekahkan dan baki satu pertiga lagi dihadiahkan (Al-Zuhaili, Al-Fiqh Al-Islami Wa-Adillatuh).

Ibnu Muslim (2010) menyatakan daging korban sekiranya disedekahkan kesemuanya kepada orang lain terutama fakir miskin, ia dianggap lebih baik dan sempurna. Akan tetapi, orang yang berkorban digalakkan untuk mengambil sedikit daging tersebut bagi pihak dirinya dan keluarganya sebagai '*tabarru*' (mengambil berkat daripada ibadah korban tersebut).

PENGURUSAN IBADAT KORBAN KE LUAR NEGARA

Dari tahun ke tahun, terdapat banyak syarikat yang mengendalikan program pengurusan ibadat korban ke luar negara. Ini bagi memudahkan rakyat Malaysia yang tidak berpeluang untuk melakukan ibadah korban di dalam negara atas sebab-sebab tertentu.

Menurut Mohd Sukki Othman (2017), ibadah korban di luar negara dilakukan bertujuan untuk membantu golongan miskin yang memerlukan di luar negara. Korban di luar negara bukanlah semata-mata untuk membantu saudara sesama Islam di negara yang susah, tetapi ia juga bertujuan untuk mencari keredhaan Allah SWT dan demi melaksanakan ibadah korban bagi mereka yang mampu, tetapi tiada masa untuk



melakukannya. Walaupun begitu, adalah lebih afdal jika ia dilakukan di tempat sendiri. Tetapi, tidak menyalahi hukum jika ibadah korban dibuat di luar negara.

Menurut Mohd Sukki Othman lagi, pada 25 November 2004, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-66, memutuskan hukum harus kepada sesiapa yang mengadakan ibadah korban di luar negara. Ibadah korban di luar negara adalah sah dan mereka yang melakukannya tetap mendapat pahala.

Harga untuk melakukan ibadah korban di luar negara juga berpatutan iaitu diantara RM300 - RM350 sahaja untuk satu bahagian lembu. Antara faktor utama harga ibadah korban di luar negara lebih murah ialah kerana Malaysia adalah negara pengimport lembu dan kambing. Manakala negara-negara seperti Thailand, India, Republik Chad (Afrika Tengah) dan Bangladesh adalah merupakan negara penternak.

Selain itu, antara faktor harga yang dikenakan lebih rendah ialah kerana kadar tukaran matawang asing. Secara umumnya, Ringgit Malaysia lebih tinggi berbanding beberapa matawang negara-negara pelaksana korban. Contoh negara pelaksana korban seperti Bangladesh dan Chad.

Selain dapat membantu rakyat Malaysia yang ingin melakukan ibadah korban dengan harga yang berpatutan, ibadah korban di luar negara juga dapat membantu masyarakat Islam di luar negara yang miskin dan memang perlu diberi bantuan. Jika dibandingkan keadaan umat Islam di Malaysia, situasi mereka yang menerima bantuan diluar negara adalah jauh lebih daif dan memerlukan bantuan tersebut.

Menurut Suhazeli Abdullah (2016), statistik menunjukkan bahawa negara Malaysia dikategorikan sebagai negara kaya dengan jumlah paras kemiskinan hanya sebanyak 3.8% (rating ke 160). Atas alasan ini, adalah menjadi keperluan yang lebih mendesak untuk menyampaikan bantuan kepada mereka yang lebih memerlukan.

HUKUM MELAKUKAN IBADAT KORBAN KE NEGARA LAIN

Ibadah korban sangat-sangat dituntut untuk dilaksanakan bagi mereka yang mampu melaksanakannya. Ibadah korban adalah gambaran dan bukti keikhlasan serta ketaqwaan seorang muslim terhadap tuhan. Hikmah pensyariatannya adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT, melahirkan rasa kesyukuran dengan nikmat yang diberikan, memberi kegembiraan kepada golongan-golongan yang tidak bernasib baik dengan memberi daging korban, dan juga untuk menambah amal kebajikan setiap insan.

Mazhab Hanafi mengatakan bahawa hukumnya melakukan korban diluar dari tempat kediaman seseorang adalah makruh. Namun demikian jika terdapat saudara mara atau penduduk di negeri lain yang sangat memerlukan, ia dibolehkan kerana situasi mereka yang memerlukan (Wahbah al-Zuhayli, 1989).

Mazhab Maliki pula berpandangan tidak diharuskan untuk melakukan ibadat korban ke negara lain. Tetapi jika penduduk di kawasan negara lain itu lebih memerlukan, ia dibolehkan. Pandangan ini juga sama dengan Mazhab Hanbali dan Mazhab Syafi'e. Mazhab Syafi'e berpandangan harus kerana berasaskan kaedah *qiyas* dengan pengeluaran zakat di luar negara, yang mana sepatutnya didahulukan di tempat sendiri.

AKAD PERWAKILAN (WAKALAH)

Konsep Wakalah

Dari segi bahasa, *wakalah* bermaksud menyerahkan kuasa, penjagaan, pengawasan dan pemeliharaan (Ahmad Muhammad al-Fayyumi, t.t). *Wakalah* dari segi istilah fiqh pula membawa maksud seseorang itu menyerahkan kuasa yang mana ia bertindak untuk melakukan sesuatu perkara ketika hidupnya kepada orang lain dalam hal-hal yang boleh diwakilkan (Ahmad ibn Hajar al-Haitami, 1983). Dengan kata lain, akad untuk mewakilkan orang lain (wakil) bagi melaksanakan urusan dalam mengendalikan perkara yang diharuskan oleh syarak.

Hukum *wakalah* adalah harus. Ini dilihat berdasarkan al-Quran, Sunnah dan ijma' ulama (Muhammad Ahmad al-Khathib al-Syirbini, 1994). *Wakalah* mempunyai empat rukun, iaitu:

- i. *Muwakkil* (orang yang berwakil)
- ii. *Wakil/Muwakkil* (orang yang dijadikan wakil)
- iii. *Muwakkal fih* (sesuatu yang diwakilkan)
- iv. *Shighah* (ijab dan qabul)

Selain itu, antara syarat-syarat wakil dalam ibadah korban adalah seperti berikut:

- i. Mestilah seorang Muslim dan bukan seorang ahli kitab. Ini kerana sembelihan ahli kitab adalah makruh. Begitu juga dengan Majusi dan orang kafir, sembelihan golongan-golongan ini adalah diharamkan. Berbalik kepada tujuan utama ibadah sembelihan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- ii. Mestilah mendapat keizinan daripada orang yang berkorban.
- iii. Memenuhi syarat-syarat mukallaf.

Sifat Akad Wakalah (Akad *Lazim* Atau Bukan *Lazim*)

Dalam fiqh muamalat, terdapat akad yang mengikat (*lazim*) dan ada yang tidak mengikat (bukan *lazim*) (Muhammad Ahmad al-Syathiri, 1997). Akad yang melibatkan pertukaran (*mu'awadhah*) dipanggil akad mengikat (*lazim*). Misalnya seperti akad jual beli dan sewaan. Pada akad *lazim*, pembatalan akad tidak boleh dilakukan kecuali dengan persetujuan pihak berkontrak yang lain. Sebagai contoh, dalam kes jual beli atau sewaan, apabila salah seorang daripada pihak berkontrak contohnya penyewa



ingin membatalkan kontrak sewaan, maka persetujuan perlu didapatkan daripada pihak yang berkontrak dengannya (pemilik asset sewaan).

Akad yang tidak mengikat (bukan *lazim*) contohnya seperti pinjaman (barang atau duit), *wakalah* dan *wadiah*. Pada akad tidak mengikat (bukan *lazim*), pembatalan boleh dilakukan tanpa persetujuan kedua-dua belah pihak. Misalnya seperti A meminjam buku dari B, pada bila-bila masa sahaja B boleh mengambil semula bukunya dan membatalkan akad pinjaman tersebut. Antara contoh lain ialah sekiranya A mewakilkan B untuk melaksanakan ibadah korban, tidak ada sebarang upah yang diberi, A atau B boleh membatalkan akad *wakalah* tersebut tanpa perlu meminta persetujuan dari kedua-dua belah pihak. Akan tetapi, berlainan pula jika ada upah. Jika ada upah, ia hanya boleh dibatalkan sekiranya ada persetujuan daripada kedua-dua belah pihak.

Jenis-jenis Perwakilan

Perwakilan Secara Sukarela

Perwakilan secara sukarela adalah perwakilan yang dilakukan secara rela hati dan tanpa upah. Perwakilan sukarela ini dilakukan dengan pelbagai cara. Zulkifli Manzor (2018) menjelaskan perwakilan cara ini ada dianjurkan oleh pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan menghantar pelajar-pelajarnya seramai 111 orang untuk melaksanakan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha di empat buah negara iaitu Indonesia, Vietnam, Thailand dan Kemboja. Mereka ini sedang bercuti semester melaksanakan ibadah korban di luar negara di bawah program Global Islamic Student Outreach (GISO). Program ini melatih mahasiswa USIM melaksanakan program kesukarelawanan yang menerapkan elemen yang melibatkan masyarakat, pemindahan ilmu, pertukaran budaya dan kelestarian alam sekitar.

Perwakilan Secara Upah

Apabila perwakilan disertakan dengan upah, hukumnya bertukar menjadi *ijarah 'ala al-'amal*, iaitu upah kepada sesuatu pekerjaan (Muhammad ibn Qasim asy-Syafi'i, 2005). Ini dianggap sebagai akad *mu'awadah* seperti jual beli. Jika hendak dibuat pembatalan, ia mestilah dengan persetujuan kedua-dua pihak (*muwakkil* dan *wakil*). Segala bentuk jumlah upah dan skop pekerjaan yang perlu dilakukan, perkara-perkara ini mestilah diketahui dan dipersetujui kerana *gharar* (ketidaktentuan) dalam akad *mu'awadah* akan membatalkan kontrak (Syamsuddin Muhammad Ahmad ar-Ramli, 1984).

Penerangan mestilah dibuat secara jelas kepada peserta yang mewakilkan. Contohnya seperti sekiranya disebut harga kambing seekor RM500, perlu dijelaskan berapa upah kepada wakil yang akan melakukan kerja-kerja penyembelihan serta pengurusan ibadah korban.



Masalah yang dihadapi oleh pihak pengendali korban ialah harga binatang yang tidak menentu maka adalah terlalu sukar untuk menentukan terlebih dahulu harga yang diwakilkan untuk dibeli. Namun demikian pihak penerima wakil boleh menentukan terlebih dahulu upah yang dikenakan terhadap perwakilan itu berdasarkan kos pengurusan yang dapat dijangkakan. Pihak pengendali mestilah meminta persetujuan terlebih dahulu daripada 'muakkil' untuk bertasaruf dengan lebih daripada harga binatang yang mungkin berlaku akibat berbezaan harga binatang yang berlaku dalam pasaran.

Jika pihak yang mengendalikan korban tidak menyatakan yuran wakalah dan tidak memaklumkan apa yang akan dibuat dengan wang lebihan yang mungkin wujud hasil dari perbezaan harga binatang dipasaran, maka keadaan ini akan membawa kepada situasi *wakalah* tanpa upah. Dalam *wakalah* tanpa upah adalah haram bagi penganjur (wakil) mengambil wang lebihan dari kos korban tersebut.

Bentuk Wakalah Dalam Ibadat Korban

Penyerahan Binatang Korban

Penyerahan binatang korban kepada wakil mestilah melalui pernyataan yang jelas. Mestilah menjelaskan berkenaan dengan jenis korban yang diniatkannya samada sunat atau wajib dan urusan kerja yang diwakilkan samada menyembelih sahaja ataupun memotong daging korban dan membahagikan dagingnya kepada pihak ketiga.

Selain itu, perlu ada ijab dan qabul (*shighah*) yang jelas diantara orang yang berkorban dengan wakilnya. Wakalah berbentuk penyerahan binatang korban mestilah memenuhi rukun-rukun wakalah. Rukun-rukun wakalah ialah *Muwakkil* (orang yang berwakil), wakil (orang yang dijadikan wakil), *Muwakkal fih* (sesuatu yang diwakilkan) dan *shighah* (ijab dan qabul).

Antara contoh lafaz lisan ijab dan qabul (*shighah*) ialah "Saya mewakilkan kamu untuk menyembelih lembu korban saya", dan ianya juga boleh dibuat dalam bentuk bertulis. Wakalah juga boleh dilakukan melalui telefon bimbit, sms, whatsapp dan lain-lain bentuk komunikasi lagi, seiring dengan perkembangan teknologi pada zaman ini.

Penyerahan Wang

Wakalah melaksanakan ibadah korban berbentuk penyerahan wang dilihat lebih umum. Hal ini kerana tidak menentukan binatang apa yang hendak dikorbankan. Dengan hal ini memudahkan urusan berkaitan dengan ibadah korban. Orang yang ingin melakukan ibadah korban dengan cara ini hanya perlu menyerahkan sejumlah wang yang sama nilai dengan sebahagian atau seekor binatang korban kepada wakil, dan wakil tersebut akan menguruskan segala urusan ibadah korban bagi pihaknya.



Pada zaman sekarang, lafaz wakalah dengan cara serahan wang ini boleh dilakukan melalui pembayaran atau memindahkan wang melalui perkhidmatan *online banking*. Untuk mengesahkan wakalah dengan cara ini, ia boleh disahkan melalui email, sms, whatsapp, facebook dan lain-lain. Untuk lebih sistematik, akad wakalah secara bertulis dinyatakan dengan menyatakan dengan jelas harga binatang korban, upahnya berapa, serta skop kerja yang dilakukan, dan ianya mestilah dipersetujui atau ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Dalam amalan korban luar negara yang diamalkan sekarang berlaku dua perwakilan dalam satu pembayaran yang dibuat. Pihak peserta mewakilkan kepada pihak pengurus korban untuk membeli binatang korban dengan harga yang tidak diketahui terlebih dahulu.

Perwakilan kedua ialah peserta mewakilkan kepada pihak pengurus untuk melakukan ibadah korban dan mengagihkannya kepada mereka yang memerlukan. Kedua-dua perwakilan ini mestilah dinyatakan dengan jelas didalam akad perwakilan. Ini kerana syarat perwakilan ialah mestilah pihak 'muakkil' mestilah mengetahui dengan jelas apakah yang diwakilkan kepada wakilnya. (Ibnu Qudamah, 1994)

Hukum Wakil ke Atas Wakil

Apabila organisasi yang terlibat secara langsung untuk menguruskan korban di luar negara, jika organisasi itu mewakilkan pula kerja-kerja korban kepada pihak ketiga, ia mestilah memaklumkan perkara ini kepada peserta korban. Hal ini bagi mengelakkan timbulnya masalah hukum. Ini kerana *wakalah ke atas wakalah* adalah tidak sah, kecuali dengan keizinan pewakil asal (peserta) (al-Zuhaili, 2007).

Bagi penganjur ibadah korban yang memiliki ladangnya sendiri, rumah sembelihan serta segala kelengkapan korban sendiri, seeloknya hendaklah ia menyatakan di dalam kupon ataupun resit *wakalah* syarikatnya dengan menyatakan pelaksanaan ibadah korban ini adalah *wakalah* daripada pelanggan kepada pengurus untuk melakukan kerja-kerja korban dan mengagihkan dagingnya kepada golongan yang memerlukan.

Jikalau wakil yang diamanahkan untuk melakukan ibadah korban memang betul-betul tidak berupaya untuk mengendalikan semua urusan korban yang diwakilkan keatasnya, dia perlu melantik orang lain sebagai wakilnya tanpa perlu mendapat keizinan daripada *muwakkil*. Wakil boleh mewakilkan urusan korban yang tidak dapat dilaksanakannya itu kepada orang lain. Akan tetapi, wakil tidak boleh menyerahkan kesemua urusan *wakalah*, dia hanya perlu serahkan urusan korban yang dia betul-betul tidak sempat untuk melaksanakannya sahaja (A. Rushdi, 2009).

Niat Korban Orang yang Berwakil

Niat melakukan ibadah korban dilakukan ketika menyembelih haiwan korban. Orang yang berwakil untuk melaksanakan korban, dia berniat ketika upacara menyerahkan



binatang korbannya untuk disembelih atau ketika wakilnya melakukan penyembelihan korbannya. Niat orang yang berwakil sudah cukup, dan wakil tidak perlu untuk berniat lagi. Orang yang berkorban haruslah berniat lebih awal, yakni sebelum wakil berkenaan menyembelih korbannya. Niat itu mestilah dalam tempoh yang dibenarkan menyembelih korban, iaitu selepas solat Hari Raya Aidiladha sehinggalah terbenam matahari hari-hari *tasyrik* yang terakhir.

KESIMPULAN

Ibadah korban merupakan ibadah yang sangat mulia disisi Allah SWT. Ganjaran yang didapati daripada ibadah ini sangatlah besar dan di dalamnya terkandung seribu satu hikmah. Hukum melakukannya adalah sunat muakkad dan umat Islam sangatlah digalakkan untuk melaksanakannya.

Namun demikian pihak yang berurusan mestilah menjaga etika dan garispanduan Islam dalam bermuamalat supaya kepentingan pihak-pihak yang bertransaksi tidak akan terabai atau dicerobohi. Dalam urusan korban luar negara ini, pihak yang terdedah kepada keburudatan ialah pihak peserta kerana mereka menyerahkan wang untuk dilakukan korban itu diawal kontrak yang dibuat. Oleh itu kepatuhan kepada terma-terma kontrak itu perlu dilakukan oleh pihak yang mengendalikan korban dengan sebaik mungkin. Risiko kemudatan pihak peserta menjadi lebih besar apabila mereka tidak dapat mengetahui lebih lanjut tentang pembelian binatang korban dan perjalanan ibadah korban secara tepat. Dalam masa yang sama tidak pihak yang bertanggungjawab memantau perjalanan ibadah korban yang dilakukan itu samada ia benar-benar menepati kontrak yang dipersetujui ataupun sebaliknya.

RUJUKAN

A. Rushdi, 2009. *Huraian ringkas ibadah korban*.
<https://www.ahmadrushdi.com/huraian-ringkas-ibadah-korban/>. Diakses pada 3 September 2018.

Ahmad ibn Hajar al-Haitami, 1983. *Tuhfatul Muhtaj fi Syarhil Minhaj*. Mesir: Al-Maktabah at-Tijariah al-Kubra.

Ahmad Muhammad al-Fayyumi, t.t. *Al-Mishbahul Munir*. Beirut: Al-Maktabah al-'Ilmiah.

Akademi Imam Syafie, 2012. *Ibadah korban dan beberapa isu semasa yang berkaitan dengannya*.
<http://akademimamsyafie.blogspot.com/2012/10/normal-0-false-false-false-en-us-ja-ar.html>. Diakses pada 4 September 2018.

Bahagian Fatwa, 2015. *Garis Panduan Siri 3*. Pulau Pinang: Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang.



- Bintan Saragih, R. & Ichlasul Amal, 1997. *Fungsi Perwakilan, Pembuatan Keputusan dan Pembentukan Legitimasi*. Jakarta: Gaya Media Utama.
- H. A. Rasyidi & Aserani Kurdi, 2007. *Tuntutan Ringkas Ibadah Qurban*. Tanjung Tabalong: Lembaga Pengembangan Da'wah Tertulis.
- Heywood, A., 2002. *Palgrave Foundations* (Second Ede). New York: Palgrave Macmillan.
- Ibnu Qudamah, 1994. *Al-Mughni*, Jilid 5, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Ibnu Muslim, 2010. *Ibadah korban menurut pandangan Islam*. <http://ustaznaim.blogspot.com/2010/11/ibadah-korban-menurut-pandangan-islam.html>. Diakses pada 5 September 2018.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2013. *Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban*. Selangor: OMR Press Sdn. Bhd.
- Majlis Tertinggi Urusan Keislaman Mesir, 1997. *Sunnah-sunnah Pilihan*. Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mohd Mohadis Yasin, 2015. *Haram daging korban jadi upah*. *Akhbar Melaka Hari Ini*. Diakses pada 4 September 2018.
- Mohd Radzi Mohd Zin, 2017. *Agihan Daging Korban*. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/agihan-daging-korban-1.521354>. Diakses pada 3 September 2018.
- Mohd Sukki Othman, 2017. *Ibadah korban di luar negara*. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/41925/1/013.pdf>. Diakses pada 4 September 2018.
- Muhammad Ahmad al-Khathib al-Syirbini, 1994. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifati Alfadhil Minjah*. Darul Kutub al-'Imiah.
- Muhammad Ahmad al-Syathiri, 1997. *Syarah al-Yaqut al-Nafis*. Yaman: Dar al-Hawi.
- Muhammad Ammar Yaser Ahmad Nazri, t.t. Ringkasan cara-cara pelaksanaan program ibadah korban semasa secara wakalah. <https://iluvislam.my/ringkasan-cara-cara-pelaksanaan-program-ibadah-korban-semasa-secara-wakalah/>. Diakses pada 3 September 2018.
- Muhammad Arsyad Abdullah al-Banjari, 2010. *Sabil al-Muhtadin-Korban, Akikah, Perburuan, Sembelihan dan Pemakanan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Muhammad ibn Qasim asy-Syafi'i, 2005. *Fathul Qarib al-Mujib*. Beirut: Dar Ibn Hazm.



- Muhammad Nasir, 2016. *Hukum kurban menurut empat mazhab*.
<https://beritasore.com/2016/08/26/hukum-kurban-menurut-empat-mazhab/>.
Diakses pada 5 September 2018.
- Nazrul Hassan, 2017. *Fiqh pelaksanaan ibadah qurban*.
<http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/bm/87-fiqh-pelaksanaan-ibadah-qurban>.
Diakses pada 6 September 2018.
- Salehuddin Abu Samah, 2017. *Kuliah Feqah: Hukum Berkaitan Ibadah Berpandukan Kitab al-Fiqh al-Manhaj*. Kuala Lumpur: Bank Islam.
- Suhazeli Abdullah, 2016. *Qurban di luar negara lebih afdhal?*.
<https://www.amalqurban.com/2016/08/19/persoalan-qurban-di-luar-negara-lebih-afdhal/>.
Diakses pada 29 Ogos 2018.
- Sulaiman al-Bujairimi, t.t. *Kitab Bujairimi 'ala al-Khatib*. Beirut: Dar al-Fikri.
- Syamsuddin Muhammad Ahmad ar-Ramli, 1984. *Niyatul Muhtaj ila Syarhil Minhaj*.
Beirut: Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhayli, 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. (Edisi ke-3). Jilid 3. Damsyik:
Dar al-Fikr.
- Wahbah al-Zuhayli, 2007. *Al-Uqud Al-Musamah*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Zulkifli Manzor, 2018. *USIM hantar 111 pelajar sertai ibadah korban di luar negara*.
<http://www.kosmo.com.my/negara/usim-hantar-111-pelajar-sertai-ibadah-korban-di-luar-negara-1.734517>.
Diakses pada 3 September 2018.